

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

71st
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
MENJANA TRANSFORMASI AQLIYYAH 2015

23 Disember 2015

Anjuran Fakulti Sains dan Masyarakat



UiTM Transformation
Program

ISSN 2232-1578



UiTM SARAWAK

NAIB JOHAN PERTANDINGAN DEBAT PIALA DYMM SULTAN ZAINAL ABIDIN 2015

Oleh : Mohamad Syafie bin Hamdin dan Mohd Amirul Haziq Anuar



Pertandingan Akhir Debat Piala DYMM Sultan Zainal Abidin 2015.



Pasukan yang mewakili UiTM Sarawak bersama Penasihat Unit Debat Bahasa Melayu. Cik Leelajini Jothy A/P Paranjothy

Pertandingan Debat Piala DYMM Suktan Zainal Abidin adalah pertandingan debat yang melibatkan institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh Malaysia. Penganjuran tahun ini adalah penganjuran kali ke-15 sejak ianya dimulakan pada tahun 2000, dan telah diadakan di UiTM Dungun, Terengganu pada 23-26 Oktober 2015 yang lalu.

Sebanyak 44 IPT telah mengambil bahagian iaitu 28 dari IPTA, 10 dari IPTS, 3 dari Politeknik dan 3 dari Institut Pendidikan Guru. UiTM Sarawak telah menghantar 2 pasukan dalam pertandingan ini dan pasukan UiTM Sarawak A berjaya merangkul gelaran Naib Johan melalui Saudara Illyas Azmer Bin Hamdani (EC110) dan Saudara Mohammad Asyraf Bin Che Ibrahim (AT220) melalui usul "Dalam mengurangkan belanjawan defisit kerajaan, dewan ini percaya subsidi dalam pemberian barangan keperluan asas lebih baik berbanding pemberian wang tunai". Johan pertandingan disandang oleh Universiti Sains Malaysia.

Manakala UiTM Sarawak B yang diwakili oleh Saudara Mohamad Amirul Haziq Anuar (BM 242) dan Saudara Mohd Shamyrgan Fitri Bin Shamsudin (AM110) telah dinobatkan Juara Liga Pertandingan Debat Piala DYMM Sultan Zainal Abidin kali ke-15. Selain itu, pasukan debat UiTM Sarawak juga berjaya membawa pulang Anugerah Pendebat Terbaik Keseluruhan Pertandingan menerusi Saudara Mohamad Amirul Haziq Anuar dari pasukan UiTM Sarawak B.

Perasmian penutup dan upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Prof. Sr Ir Dr Haji Suhaimi Abdul Talib, Timbalan Naib Canselor UiTM dengan diiringi Rektor UiTM (Terengganu) dan pegawai-pegawai UiTM.



PLUCK AND PACK RAMBUTAN 2015

Unit Pengurusan Ladang organized a Pluck And Pack Rambutan 2015 event from 28th to 30th December 2015. This event was opened to the staff and members of the public from Samarahan and Kuching, to experience rambutan fruit picking. This was the 4th time this activity has been organized since it started in 2010. Around 350 participants took part in this event. Adults were charged an admission fee of RM1 each while children below six years old could enter free of charge. Participants could bring home as many rambutans as they wanted with a charge of RM1.00 per kg for staff and RM2.00 per kg for the public.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my